



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

---

### **MESYUARAT ASEAN TELECOMMUNICATIONS AND INFORMATION TECHNOLOGY MINISTER (ASEAN TELMIN) MEMBERIKAN PENEKANAN TERHADAP PENGUKUHAN KESELAMATAN SIBER DI PERINGKAT NEGARA-NEGARA ASEAN**

Mesyuarat *18th ASEAN Telecommunications and Information Technology Ministers Meeting* (ASEAN TELMIN ke-18) telah bersidang pada 5 Disember 2018 di Ubud, Bali, Indonesia.

Mesyuarat ini telah dihadiri Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Gobind Singh Deo dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Mesyuarat ini merupakan wadah untuk menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) untuk membincang dan menyuarakan pendapat serta pendirian negara masing-masing tentang hal berkaitan pembangunan ICT di rantau ASEAN.

Bertemakan “Aiming the Future of Digital Ecosystem for ASEAN Prosperity,” fokus mesyuarat pada kali adalah terhadap memantapkan jalinan kerjasama negara-negara ASEAN ke arah pembangunan ekosistem digital akan datang. Penekanan diberikan terhadap memperkukuhkan kepentingan pemusatan dan kesatuan dalam usaha membangunkan komuniti ASEAN dalam bidang keselamatan siber, perlindungan data peribadi, dan mempromosi inovasi dan e-dagang.

Semasa mesyuarat tersebut, YB Menteri telah memberikan penekanan kepada perlunya keadah-kaedah untuk memperkukuhkan keselamatan siber bukan sahaja di setiap negara ASEAN tetapi juga agar satu rangka kerja efektif diwujudkan di peringkat ASEAN sebagai satu badan yang mempunyai keupayaan untuk bertindak sekiranya berlakunya satu-satu ancaman mahupun jenayah siber yang merentasi sempadan sesebuah negara. Menteri mengulas bahawa masalah jenayah siber kini sangat luas dan merentasi sempadan sesebuah negara, di mana ia menggambarkan betapa luasnya jaringan capaian internet yang menghubungkan seluruh dunia. Maka, kemungkinan berlakunya permasalahan yang merentasi sempadan sesebuah negara itu perlu dilihat dengan serius, dan langkah-langkah untuk menanganinya di peringkat ASEAN haruslah dikaji dengan mendalam.

Menurut Menteri, Malaysia sedang memberikan fokus kepada memperluaskan lagi rangkaian jalur lebar bagi memastikan bahawa negara bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran di dalam dunia digital yang kini melanda seluruh dunia, khususnya dengan perkembangan revolusi perindustrian keempat (Industrial Revolution 4.0) Selain daripada itu, usaha-usaha juga perlu diambil untuk meningkatkan kualiti jalur lebar dari segi meningkatkan kelajuan serta mengurangkan harga internet yang dibekalkan. Perkara ini akan menjadi pemangkin untuk menggalakkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia untuk turut serta dalam bidang perniagaan yang berteraskan internet seperti e-dagang dan sebagainya. Keadaannya ini juga adalah sama di kalangan negara-negara ASEAN yang lain di mana akses kepada rangkaian internet dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat setempat.

YB Menteri juga menekankan bahawa perhatian yang serius perlu diberikan kepada aspek keselamatan siber. Justeru, kerjasama dan keutamaan perlu diberi penekanan oleh semua negara ASEAN terhadap keselamatan siber agar dapat membina kepercayaan di kalangan pengguna dan peniaga terhadap ekosistem perniagaan dalam talian.

Pada masa yang sama, Malaysia telah mendapat johan dalam pertandingan *ASEAN ICT Awards 2018* (AICTA) bagi kategori Sektor Awam melalui projek e-Tanah. Pengumuman pemenang AICTA telah diadakan sewaktu *ASEAN TELMIN Gala Dinner* pada 5 Disember 2018.

Bagi sebarang maklumat lanjut/pertanyaan, sila hubungi Sekretariat KKMM/KPK, Encik Mazlan Zurin Zulkifli di talian 03-8911 5663/ 013-234 8214 atau emel [mazlan@kkmm.gov.my](mailto:mazlan@kkmm.gov.my).

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

**06 Disember 2018**